



Headline: Sindiket penipuan semakin 'kreatif' -Arcyl Sani
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 21 June 2022

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 12

Sindiket penipuan semakin 'kreatif' - Acryl Sani

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesan pelbagai helah atau taktik 'kreatif' digunakan sindiket penipuan untuk memperdayakan mangsa mereka.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, orang ramai diminta sentiasa membuat semakan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang urusan perbankan secara dalam talian.

"Ancaman sindiket terutamanya dalam kegiatan penipuan dalam talian semakin menimbulkan keresahan dalam masyarakat," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan program derma darah sempena Sambutan Hari Polis ke-215 di Bukit Aman, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, kata beliau, PDRM menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) sentiasa mengadakan kempen bagi mendedahkan orang ramai dengan taktik yang dilakukan sindiket ini.

Beliau berkata, ia mula menampakkan hasil apabila pihaknya melihat terdapat pengurangan kes membabitkan sindiket penipuan ini.

"Saya yakin dan percaya



Ingin diingatkan, pihak polis tidak akan meminta butiran peribadi seperti akaun bank menerusi panggilan telefon bagi tujuan siasatan sebaliknya keterangan akan diambil secara bersemuka di balai polis."

ACRYL SANI ABDULLAH SANI

akan tiba masanya setiap ahli masyarakat tahu untuk menjauhkan diri daripada menjadi mangsa sindiket penipuan ini.

"Ingin diingatkan, polis tidak akan meminta butiran peribadi seperti akaun bank menerusi panggilan telefon bagi tujuan siasatan sebaliknya keterangan akan diambil secara bersemuka di balai polis," jelasnya lagi.